



TAHNNIAH ... Suaibul menyampaikan poster pertandingan Debat Alam Sekitar peringkat Universiti kepada Juhari.

Pelajar UMS perlu dicontohi

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Pergerakan Pemuda Umno Negeri menyifatkan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai kumpulan pelajar yang perlu dicontohi oleh pelajar IPT Awam dan Swasta di negara ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri, Juhari Janan berkata, pihaknya telah diberi jaminan oleh wakil pelajar UMS bahawa mereka tidak terlibat atau mahu melibatkan diri untuk menentang kerajaan.

"Kami amat berpuas hati dengan penjelasan daripada wakil pelajar UMS yang telah mengadakan pertemuan dengan Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno Negeri kelmarin untuk menjelaskan pendirian mereka,"katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan wakil para pelajar UMS yang diketuai Suaibul Ismail di sini, kelmarin.

Juhari berkata, para pelajar UMS telah memberi jaminan bahawa para pelajar UMS tidak akan membabitkan diri dalam mana-mana pertubuhan politik sehingga selesai pengajian

mereka di Universiti.

Bagaimanapun katanya, Pergerakan Pemuda Umno Negeri akan sentiasa memantau dari masa ke semasa sebarang aktiviti di IPTA untuk memastikan mereka tidak membabitkan diri dalam kegiatan yang tidak sihat.

Schubungan itu katanya, Pergerakan Pemuda Umno akan memberikan kerjasama dalam apa juga aktiviti yang dianjurkan oleh UMS bagi mengeratkan hubungan antar kedua belah pihak.

Katanya, pihaknya juga bersedia pada bila-bila masa untuk mengadakan perjumpaan dengan pelajar IPT di negeri ini untuk mendengar dan membantu mencari penyelesaian jika adalah masalah.

Sementara itu, UMS akan menjadi tuan rumah pertandingan Sebat Alam Sekitar peringkat Insituti Pengajian Tinggi yang akan bermula pada 23 hingga 28 Ogos ini.

Pengarah Projek Pertandingan itu, Suaibul Ismail berkata, sebanyak 11 Universiti akan menyertai pertandingan Debat Alam Sekitar yang julung kali diadakan di negeri ini.